

SULIT

---



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2018/2019

Disember 2018/Januari 2019

## **HKB313 - Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi DUA (2) bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA (2) soalan dari bahagian A dan DUA (2) soalan dari bahagian B.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Menurut Karin Lesnik-Oberstein (2002), "...kesusasteraan kanak-kanak adalah satu bentuk seni sastera baru sekitar tahun 1850 dan kanak-kanak pada sekitar tahun tersebut hanya disogokkan dengan buku adab, akhlak dan sejarah."

Berdasarkan pernyataan tersebut, secara kritis galurkan perkembangan kesusasteraan kanak-kanak yang memperlihatkan kanak-kanak muncul sebagai khalayak penting dalam kesusasteraan itu sendiri. Perbincangan perlu disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.

[100 markah]

2. Berdasarkan perkembangan kognitif kanak-kanak perempuan dari usia enam ke dua belas tahun, jelaskan bagaimana 'pengakhiran yang membahagiakan' dalam cerita pari-pari (*fairy tales*) seperti "Cinderella", "Snow White and the Seven Dwarfs" dan "Sleeping Beauty" mempengaruhi perkembangan kognitif khususnya kanak-kanak untuk membentuk identiti dan cara pandang terhadap kehidupan realiti

[100 markah]

3. Dengan merujuk kepada buku cerita bertajuk *Biring Sikunani* (2014) karya Rahimidin Zahari, bahaskan bagaimana warna dan aksi mempengaruhi fungsi cerita tersebut dalam mendidik dan merangsang kecerdasan emosi kanak-kanak.

[100 markah]

4. “A well written scenario, right audio and visual effects and a descent looking character, are all the main factors for the child to get stuck for the cartoons hero, and enough for his brain to begin automatically following his path and trying to be a copycat even for the finest details, including way of speaking, thinking, body language... and even the way of dressing up” (Khaled Habib, 2015)

Bincangkan bagaimana psikologi kanak-kanak mengukuhkan pernyataan di atas melalui media kartun. Perbincangan anda perlu disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.

[100 markah]

Bahagian B

5. Apakah ciri-ciri kesusasteraan remaja? Dengan menyertakan contoh-contoh karya yang sesuai bincangkan ciri-ciri tersebut dalam pembinaan identiti remaja.

[100 markah]

6. Bincangkan bagaimana tema yang berat seperti cinta akan negara disesuaikan dengan psikologi remaja melalui novel bertajuk *Anak-Anak Patriotik* (2015) karya Hashim Latiff.

[100 markah]

7. “Manga played a major role in... shaping the feelings and attitudes of children and young adults, playing a key role in the development of youth popular culture within a global context. Manga’s striking artistic and thematic styles have transcended cultural barriers, making an important and lasting impression on audiences across the globe. As a gateway to Japanese culture, it has attracted a global fan base and fueled interest in Japanese culture” (Jonah Asher, 2011),

Berdasarkan petikan di atas bincangkan secara kritis bagaimana novel manga bertajuk *Namamu ... 01* (2017) karya Makoto Shinkai berfungsi sebagai wadah untuk memahami budaya Jepun.

[100 markah]

...4/-